

23 JUN 2001

MCA-Mahathir

JANGAN HERET DR MAHATHIR DALAM KONTROVERSI MCA, KATA CHAN

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin MCA tidak seharusnya mengheret Datuk Seri Dr Mahathir ke dalam kontroversi pengambilalihan Nanyang Press Holdings Bhd oleh cabang pelaburan parti itu, Huaren Holdings Sdn Bhd, kata naib presiden MCA Datuk Chan Kong Choy.

Perdana Menteri telah menjelaskan semalam bahawa beliau tidak pernah mengarahkan MCA supaya mengambilalih Nanyang Press Holdings Bhd dan beliau harus tidak dikaitkan dengan isu itu, katanya.

"Ini adalah isu besar melibatkan masyarakat Cina Malaysia dan saya berpendapat tidak adil untuk mengheret beliau ke dalamnya," kata Chan pada sidang berita di sini.

Pembelian Nanyang Press Holdings Bhd yang menerbitkan akhbar-akhbar Nanyang Siang Pau dan China Press oleh Huaren Holdings telah dibantah oleh lapan pemimpin kanan MCA diketuai Timbalan Presidennya Datuk Lim Ah Lek dengan alasan ia boleh menyekat kebebasan akhbar.

Parti itu dijadual mengadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) di sini esok untuk mengundi sama ada untuk mengesahkan atau menolak pembelian berkenaan.

Pada satu upacara lain, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meminta 1,516 anggota perwakilan ke mesyuarat berkenaan supaya tidak dipengaruhi oleh isu-isu lain kerana tujuan EGM adalah semata-mata untuk mengundi sama ada mengesahkan atau menolak pembelian itu.

"Nasihat saya kepada mereka ialah sentiasa bertenang. Jangan biarkan isu lain mengabui urusan niaga ini," katanya.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir semalam bahawa beliau tidak mengarahkan MCA membeli Nanyang Press, Ling berkata mereka yang memutarbelitkan kenyataan itu berlaku tidak adil kepada Perdana Menteri dan pihak-pihak lain.

Sebelum itu, dalam ucapannya Menteri Pengangkutan itu berkata mesyuarat esok merupakan jalan terbaik untuk menyelesaikan isu berkenaan.

-- BERNAMA

SR SHI RV HS MAI